

Nama : Eunice Lim Xian Ni

Kursus : UHIS 1022-75

Matric no : A20EC0034

2. Sila berikan pandangan anda mengenai cara terbaik untuk menerapkan RUKUN NEGARA dalam kalangan rakyat Malaysia.

Antara kaedah ~~ter~~ terbaik untuk menerapkan Rukun Negara dalam kalangan rakyat Malaysia ialah Rukun Negara harus diajar melalui mata pelajaran Sejarah. Sejarah merupakan sebuah subjek yang menceritakan fakta tentang masa dahulu. Dengan ini, silibus Sejarah harus mengandungi konsep Rukun Negara kerana Rukun Negara merupakan salah satu pendekatan efektif yang dapat memberi pengajaran dan ~~pembelajaran~~ peringatan kepada rakyat Malaysia tentang peristiwa 13 Mei 1969. Masalah perkauman tidak sepatutnya berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia. Guru Sejarah turut harus mengajar subjek ini dengan kreatif dan menarik agar dapat memupuk minat pelajar untuk belajar. Sebagai contoh, guru Sejarah boleh menggunakan konsep mind map semasa mengajar Sejarah dengan topik Rukun Negara.

Apabila ~~belajar~~ pelajar belajar Sejarah, mereka akan mula menghayati konsep Rukun Negara. Unsur-unsur yang terkandung dalam Rukun Negara mengajar orang ramai supaya berpegang teguh dengan prinsip keagamaan, melahirkan semangat setia kepada Raja dan Negara, menerima dan mematuhi kemuliaan Perlembagaan Negara, mematuhi undang-undang negara serta menunjukkan sikap sopan-santun. Pendek kata, cara terbaik untuk memupuk konsep Rukun Negara dalam batin rakyat Malaysia adalah melalui Sejarah.